

PENA sokong tindakan DBKL laksana pematuhan lesen premis

KUALA LUMPUR: Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA) menyokong tindakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan tindakan meninjau penggunaan dan pematuhan lesen premis perniagaan di pusat beli-belah di bandar raya berkenaan.

Presiden PENA, Dr Mohamad Salleh Rahamad berkata tujuannya untuk mengumpulkan data pelanggaran lesen papan tanda perniagaan sebelum diserahkan kepada pihak pengurusan pusat beli-belah.

“Tindakan DBKL itu sudah terlalu berhemah, melalui prosedur yang jelas dan tidak menimbulkan kesan huru-hara berbanding dengan tindakan menurunkan semua papan tanda berkenaan tanpa notis.

“Tiada tindakan keras sama sekali dilakukan oleh DBKL, malah semuanya mengikut peraturan,” katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Katanya, kenyataan pihak tertentu yang mempersoalkan tindakan DBKL dengan alasan bahawa perkembangan ekonomi akan terjejas, pelancong asing akan menghadapi masalah, Malaysia akan dianggap se-



DR. MOHAMAD SALLEH

bagai negara perkauman dan sebagainya tidak boleh diterima sama sekali.

“Pihak berkuasa tempatan mempunyai akta yang jelas untuk menguatkuasakan peraturan mewajibkan penggunaan bahasa kebangsaan di samping bahasa lain dalam kapasiti yang tertentu.

“Tiada unsur diskriminasi dalam penguatkuasaan itu, bahkan semua premis perniagaan

sepatutnya sudah mengetahui apa-apa sahaja peraturan yang disediakan,” katanya.

Menurutnya, Malaysia adalah negara yang berdaulat dan mempunyai Perlembagaan serta akta yang mesti dipatuhi.

“Pelanggaran akta dengan alasan untuk menjaga hati pelancong asing dan demi memajukan ekonomi negara tidak boleh diterima sekali.

“PENA berpandangan, pihak yang mewakili kerajaan sepatutnya mempertahankan semua tindakan dan peraturan yang sedia ada kerana itulah tugas mereka yang hakiki, bukannya merobohkan undang-undang yang sudah jelas,” katanya.

Dr Mohamad Salleh berkata, Dewan Bahasa dan Pustaka juga sudah menyediakan kemudahan untuk rujukan semua pihak sebelum menaikkan papan tanda perniagaan dan prosesnya sangat mudah. Semua urusan draf papan tanda boleh dilakukan melalui talian sahaja.

“Apakah sebenarnya agenda pihak yang menentang undang-undang yang sedia ada? Adakah ini satu strategi untuk melumpuhkan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan sendiri,” katanya.